



## **KENYATAAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

#### **ARAHAN PEMATUHAN KEPADA AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) 1994 BERKAITAN LANGKAH - LANGKAH PENCEGAHAN TERHADAP WABAK JANGKITAN CORONAVIRUS DISEASES 2019 (COVID-19) DI TEMPAT KERJA**

---

Putrajaya, 4 Mac – Merujuk kepada penularan wabak jangkitan Coronavirus Diseases 2019 (COVID-19) yang telah meningkat kepada 36 kes dengan pertambahan 7 kes baharu di Malaysia sehingga 3 Mac 2020. Ini termasuk juga kes-kes yang melibatkan pekerja yang mengendalikan pesakit yang mengalami jangkitan COVID-19. Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP/DOSH) ingin mengingatkan semua majikan dan pekerja supaya mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 dan mengambil langkah-langkah kawalan bagi mencegah penularan wabak ini termasuklah:

- i. Pihak majikan perlu menjalankan penilaian risiko dan menambah baik prosedur kerja bagi memastikan pendedahan risiko kepada virus berkenaan dapat dikurangkan terutamanya bagi sektor-sektor yang berisiko (baris hadapan) seperti kakitangan yang terdedah secara langsung dengan pesakit atau pelawat yang bergejala;
- ii. Pihak majikan perlu mengenalpasti pekerja-pekerja yang telah melawat ke negara-negara yang terkesan dengan virus COVID-19 dengan membuat pemantauan kesihatan ke atas pekerja yang terbabit terutamanya jika mereka mempunyai gejala seperti demam, batuk dan kesukaran bernafas untuk

mendapatkan rawatan **SEGERA**. Pihak majikan hendaklah mematuhi arahan kuarantin yang dikeluarkan ke atas pekerjaanya oleh pengamal perubatan berdaftar atau pihak berkuasa berkenaan.

- iii. Semua majikan dan pekerja yang ingin melawat negara yang terkesan dengan virus berkenaan atas urusan rasmi atau peribadi agar menangguhkan perjalanan mereka kecuali atas urusan penting yang tidak dapat dielakkan.
- iv. Semua majikan perlu menyediakan alat pelindung diri yang bersesuaian kepada pekerja berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan.
- v. Pihak majikan dan pekerja perlu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*).
- vi. Pihak majikan dan pekerja perlu menggunakan penutup mulut dan hidung (*mask*) serta bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*) untuk digunakan apabila perlu.
- vii. Pihak majikan dan pekerja perlu mengelak daripada mengunjungi tempat tumpuan ramai dan bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala.
- viii. Pihak majikan dan pekerja perlu segera mendapatkan rawatan perubatan sekiranya jatuh sakit (iaitu mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk mahupun kesukaran untuk bernafas).
- ix. Pekerja-perkerja digesa untuk bekerjasama dan mematuhi arahan majikan dalam menangani penularan wabak ini berdasarkan Seksyen 24(1) AKKP 1994.
- x. Pihak majikan dan pekerja perlu menyemak laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan

penularan wabak ini dan sebarang perkembangan mengenainya termasuklah:-

- a. Guidelines 2019 Novel Coronavirus (COVID-19) Management In Malaysia No. 4/2020

Link:<http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-guidelines>

- b. Maklumat Terkini Berkaitan COVID-19

Link: <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan>

Berdasarkan Seksyen 15 (1) AKKP 1994, menjadi kewajipan setiap majikan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya dan jika didapati melanggar peruntukan di bawah Seksyen ini boleh didenda tidak melebihi RM50,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya. Sehubungan dengan itu, JKPP berharap semua majikan dan pekerja dapat bersama-sama mengikut arahan yang telah dinyatakan untuk memastikan risiko penularan wabak ini terutamanya di tempat kerja dapat dicegah demi keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau aduan, sila hubungi pejabat JKPP Negeri melalui telefon atau emel dengan merujuk kepada laman web Jabatan [www.dosh.gov.my](http://www.dosh.gov.my)

###

### **Dikeluarkan Oleh:**

Kementerian Sumber Manusia  
4 Mac 2020